

Eco-Cruise Sungai Linggi Buka rezeki untuk orang kampung

Faiz Hasan

AYER LIMAU - Usaha Kerajaan Negeri memperkasa ekonomi penduduk luar bandar dengan mewujudkan produk pelancongan baharu mula bersahut dan menampakkan hasil.

Baru sahaja dilancarkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, 21

Disember lalu, penduduk sekitar mula memanfaatkan kewujudan Eco-Cruise Sungai Linggi dengan menggunakan peluang yang terbuka untuk berniaga.

Penduduk, Abdul Razak Jantan, 67, berkata, Eco-Cruise Sungai Linggi semanginya membantu meningkatkan pendapatan penduduk sekitar dan nelayan

sungai.

"Bagi nelayan, mereka juga berpeluang menawarkan perkhidmatan untuk bawa pelancong menelusuri sepanjang Sungai Linggi yang kaya dengan flora dan fauna.

"Apabila kuota bot dikendalikan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai (PPSPM) penuh ia



membuka peluang nelayan untuk bersama-sama menjaga pendapatan dengan menawarkan perkhidmatan sama kepada pelancong," katanya ketika ditemui di Jeti Ekopelancongan Paya Lebar, di sini, 24 Disember lalu.

Abdul Razak berharap, kerajaan menaik taraf nelayan di kawasan itu dengan mempelawa mereka untuk mendapatkan lesen bot pelancong agar dapat menawarkan perkhidmatan mengikut piawai ditetapkan, sekali gus menjamin keselamatan penumpang.

Sementara itu, peniaga kecil, Saadiah Hashim, 58, tidak menyangka selepas dilancarkan, Eco-Cruise Sungai Linggi mula dibanjiri pelancong.

Katanya, langkah menawarkan pelayaran menelusuri Sungai Linggi untuk tempoh waktu tertentu itu



SAADIAH dan suami mengambil peluang menjual air mineral di jeti Eco-Cruise Sungai Linggi.

amat bagus dalam mempromosikan pelbagai produk ekopelancongan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau, sebelum Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024) bermula.

"Tidak sangka ramai pelancong yang datang, macam rezeki terpijak buat kami sekeluarga, memang kami tidak sangka pelancong mula

membanjiri kawasan ini sejak awal pagi.

"Jadi kami ambil peluang ini untuk jual air mineral, alhamdulillah laris hampir empat kotak sudah habis. Selepas ini kami merancang untuk mempelbagai lagi jualan terutama produk menggunakan hasil tangkapan nelayan sungai," katanya.



KEWUJUDAN kawasan pelancongan baharu turut membuka pintu rezeki kepada nelayan setempat.